



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2012**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN DAN  
PENSYARAH PERGIGIAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian sedia ada yang diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2010.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju untuk meminda skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam memastikan kedua-dua skim perkhidmatan ini menjadi lebih menarik dalam usaha untuk mendapatkan calon yang berkepakaran dan melaksanakan peranan sebagai tenaga pengajar dalam bidang perubatan dan pergigian.

## **PINDAAN**

3. Skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang sedang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:

### **3.1 Skim Perkhidmatan Pensyarah Perubatan**

- (a) gred lantikan asal iaitu Gred DU45 dimansuhkan;
- (b) lapisan gred baharu diwujudkan untuk Pensyarah Perubatan Pelatih iaitu Gred DU51P;
- (c) gred bagi skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan yang baharu adalah Gred DU51P, DU51, DU53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II dan Gred Khas Turus I;
- (d) syarat lantikan Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P
  - (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU51P: P1 RM3,912.59)

dan (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.

- (e) syarat lantikan Pensyarah Perubatan Gred DU51
- (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: P1 RM5,643.67); atau
- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: P1 RM5,877.95); atau
- (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: P1 RM5,877.95)

dan (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

(f) syarat pengesahan dalam perkhidmatan Pensyarah Perubatan Pelatih

Pensyarah Perubatan Pelatih yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(i) memenuhi tempoh percubaan;

(ii) memiliki kelayakan kepakaran atau ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang disyaratkan;

(iii) telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pensyarah Perubatan Pelatih;

(iv) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan

(v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

### **3.2 Skim Perkhidmatan Pensyarah Pergigian**

(a) Gred lantikan asal iaitu Gred DUG45 dimansuhkan;

(b) lapisan gred baharu diwujudkan untuk Pensyarah Pergigian Pelatih iaitu Gred DUG51P;

- (c) gred bagi skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian yang baharu adalah Gred DUG51P, DUG51, DUG53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II dan Gred Khas Turus I;
- (d) syarat lantikan Pensyarah Pergigian Pelatih Gred DUG51P
  - (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.
- (e) syarat lantikan Pensyarah Pergigian Gred DUG51
  - (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51:  
P1 RM3,887.64);
  - dan (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.
- (e) syarat lantikan Pensyarah Pergigian Gred DUG51
  - (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51:  
P1 RM5,641.31); atau

(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan kelayakan kepakaran dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51: P1 RM5,875.59); atau

(iii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51: P1 RM5,875.59)

dan (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

(f) syarat pengesahan dalam perkhidmatan Pensyarah Pergigian Pelatih

Pensyarah Pergigian Pelatih yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(i) memenuhi tempoh percubaan;

(ii) memiliki kelayakan kepakaran atau ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang disyaratkan;

- (iii) telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pensyarah Perubatan Pelatih;
- (iv) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan
- (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

4. Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P atau Pensyarah Pergigian Pelatih Gred DUG51P masing-masing akan diselaraskan ke Gred DU51 atau Gred DUG51 sehari selepas disahkan dalam perkhidmatan atas Gred DU51P/ DUG51P. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan urusan pelarasannya direkodkan dalam kenyataan perkhidmatan pegawai.

5. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa dikekalkan. Skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**, manakala format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran A1** dan **Lampiran B1**.

## **PELAKSANAAN**

6. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang baharu mengikut gred seperti berikut:

### **6.1 Pensyarah Perubatan**

- (a) Pensyarah Perubatan (Pelatih) Gred DU45 yang belum memiliki kelayakan kepakaran dan belum mempunyai lima (5) tahun

pengalaman dalam bidang berkaitan akan ditukar lantik ke Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P;

- (b) Pensyarah Perubatan Gred DU45 yang memiliki kelayakan kepakaran dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun akan ditukar lantik ke Pensyarah Perubatan Gred DU51;
- (c) Pensyarah Perubatan Gred DU51 akan ditukar lantik ke Gred DU51;
- (d) Pensyarah Perubatan Gred DU52 akan ditukar lantik ke Gred DU51 dengan gaji secara Khas Untuk Penyandang (KUP) atas Gred DU52; dan
- (e) Pensyarah Perubatan Gred DU53, Gred DU54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II dan Gred Khas Turus I masing-masing akan ditukar lantik ke gred yang sama.

## 6.2 Pensyarah Pergigian

- (a) Pensyarah Pergigian (Pelatih) Gred DUG45 yang belum memiliki kelayakan kepakaran dan belum mempunyai lima (5) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan akan ditukar lantik ke Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DUG51P;

- (b) Pensyarah Pergigian Gred DUG45 yang memiliki kelayakan kepakaran dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun akan ditukar lantik ke Pensyarah Pergigian Gred DUG51;
- (c) Pensyarah Pergigian Gred DUG51 akan ditukar lantik ke Gred DUG51;
- (d) Pensyarah Pergigian Gred DUG52 akan ditukar lantik ke Gred DUG51 dengan gaji secara Khas Untuk Penyandang (KUP) atas Gred DUG52; dan
- (e) Pensyarah Pergigian Gred DUG53, Gred DUG54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II dan Gred Khas Turus I masing-masing akan ditukar lantik ke gred yang sama.

7. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan pertukaran pelantikan ini adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal berserta tempoh perkhidmatan dalam skim perkhidmatan Pegawai Perubatan atau Pegawai Pergigian, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

8. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan sebagai Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

9. Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan perubahan jawatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian dalam Senarai Perjawatan sedia ada.

## **PEMBERIAN OPSYEN**

10. Dengan berkuat kuasanya skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang baharu ini, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

11. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

12. Implikasi ke atas perkhidmatan pegawai yang menolak opsyen pertukaran pelantikan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- (a) pegawai yang telah diberi taraf berpencen akan dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(b) atau 10(5)(c), Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239];
- (b) pegawai dalam Skim KWSP akan dibersarakan di bawah seksyen 6A(6), Akta 239;

- (c) pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan semasa tetapi telah disifatkan menjadi pegawai berpencen mengikut undang-undang pence yang berkuat kuasa (pegawai pernah diberi taraf berpencen di jawatan terdahulu) akan dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(b) atau seksyen 10(5)(c), Akta 239; dan
- (d) pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan atau pegawai yang disahkan dalam perkhidmatan tetapi menolak Skim KWSP dan belum diberi taraf berpencen dikehendaki menamatkan perkhidmatan dan bersetuju meletak jawatan dengan mengemukakan notis peletakan jawatan. Tempoh notis 30 hari bagi peletakan jawatan adalah dikecualikan.

13. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap dan masih dalam perkhidmatan pada 1 Januari 2013, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

14. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

15. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

16. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 14, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

17. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran C, C1 dan C2**.

18. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara, kontrak atau sambilan dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan pegawai masih diperlukan, urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

### **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

19. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

(i) menyampaikan opsyen kepada pegawai terlibat;

(ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;

- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya ditandatangani dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

**(c) Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

20. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pegawai yang sedang berkhidmat di Gred 45 adalah ditetapkan mengikut kategori pegawai seperti berikut:-

**20.1 Pensyarah Perubatan (Pelatih) Gred DU45/ Pensyarah Pergigian (Pelatih) Gred DUG45 Yang Belum Memiliki Kelayakan Kepakaran dan Belum Mempunyai Lima (5) Tahun Pengalaman Dalam Bidang Berkaitan Yang Ditukar Lantik Ke Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P/ Pensyarah Pergigian Pelatih Gred DUG51P**

- (a) Gaji permulaan di jawatan baharu ditetapkan pada gaji minimum di Peringkat 1 (P1) Gred 51P sekiranya amaun gaji akhir di Gred 45 sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di Gred 51P; dan
- (b) jika amaun gaji akhir di Gred 45 lebih tinggi daripada gaji minimum di Gred 51P, gaji pegawai di Gred 51P ditetapkan pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di Gred 45 terhad di P1 Gred 51P.

**20.2 Pensyarah Perubatan Gred DU45/ Pensyarah Pergigian Gred DUG45 Yang Memiliki Kelayakan Kepakaran dan Mempunyai Pengalaman Sekurang-kurangnya Lima (5) Tahun Yang Ditukar Lantik Ke Pensyarah Perubatan Gred DU51/ Pensyarah Pergigian Gred DUG51**

**(a) Pegawai Yang Belum Disahkan Dalam Perkhidmatan**

- (i) Gaji permulaan di jawatan baharu ditetapkan pada gaji minimum di Peringkat 1 (P1) Gred 51 sekiranya amaun gaji akhir di Gred 45 sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di Gred 51; dan
- (ii) jika amaun gaji akhir di Gred 45 lebih tinggi daripada gaji minimum di Gred 51, gaji pegawai di Gred 51 ditetapkan pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di Gred 45 terhad di P1 Gred 51.

**(b) Pegawai Yang Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan**

- (i) Gaji permulaan di jawatan baharu ditetapkan pada gaji minimum di Peringkat 1 (P1) Gred 51 sekiranya amaun gaji akhir di Gred 45 sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di Gred 51;
- (ii) jika amaun gaji akhir di Gred 45 lebih tinggi daripada gaji minimum di Gred 51 di P1, gaji pegawai di Gred 51 ditetapkan pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di Gred 45; dan
- (iii) jika gaji di P1 Gred 51 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip (i) dan (ii) di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

21. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pegawai sedang berkhidmat di gred selain daripada Gred 45 dalam skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian adalah gaji yang sama dengan amaun gaji akhir yang diterima di gred jawatan asal mengikut peringkat (P) masing-masing pada tarikh kuat kuasa.

22. Pensyarah Perubatan Gred DU52/ Pensyarah Pergigian Gred DUG52 yang ditukar lantik ke Gred DU51/ DUG51 dengan gaji secara KUP atas Gred DU52/ DUG52, kaedah penetapan gaji adalah mengikut prinsip seperti di perenggan 21 dengan menggunakan Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) Gred DU52/ DUG52.

23. Bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh gaji maksimum jawatan baharu mengikut kaedah penetapan gaji di perenggan 20, 21 dan 22 di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

24. Bagi Pensyarah Perubatan (Pelatih) Gred DU45/ Pensyarah Pergigian (Pelatih) Gred DUG45 yang ditukar lantik ke Gred DU51P/ Gred DUG51P, kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan adalah sebagaimana di perenggan 20.1. Gaji pegawai hanya akan dipindahkan ke JGMM Gred DU51/ Gred DUG51 sehari selepas disahkan dalam perkhidmatan Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P/ Pensyarah Pergigian Pelatih Gred DUG51P mengikut penetapan gaji seperti berikut:-

- (a) gaji permulaan di jawatan baharu ditetapkan pada gaji minimum di Peringkat 1 (P1) Gred 51 sekiranya amaun gaji akhir di Gred DU51P/ Gred DUG51P sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di Gred 51;
- (b) jika amaun gaji akhir di Gred DU51P/ Gred DUG51P lebih tinggi daripada gaji minimum di Gred 51 di P1, gaji pegawai di Gred 51 ditetapkan pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di Gred DU51P/ Gred DUG51P; dan
- (c) jika gaji di P1 Gred 51 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip (a) dan (b) di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

25. Pergerakan Gaji Tahunan pegawai di Gred DU51P/ Gred DUG51P (jika ada) pada tahun gaji layak diselaraskan ke Gred DU51/ Gred DUG51 hendaklah diberi terlebih dahulu di gred jawatan asal, sebelum menentukan gaji permulaan di Gred DU51 atau DUG51 tersebut.

26. JGMM bagi skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan Gred DU51P, DU51, DU53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I dan skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian Gred DUG51P, DUG51, DUG53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I adalah seperti di **Lampiran D, D1**

**dan D2.** Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran E, E1, E2 dan E3.**

### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

27. Pergerakan Gaji Tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberi pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan mengikut amaun Kenaikan Gaji Tahunan di jawatan asal.

### **IMBUHAN TETAP, ELAUN DAN KEMUDAHAN**

28. Pensyarah Perubatan (Pelatih) Gred DU45/ Pensyarah Pergigian (Pelatih) Gred DUG45 yang ditukar lantik ke Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P/ Pensyarah Pergigian Pelatih Gred DUG51P akan menerima imbuhan tetap, elaun dan kemudahan sama dengan kadar Gred 51 mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, bagi Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian di gred-gred lain, urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan pada imbuhan tetap, elaun dan kemudahan yang diterima mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

29. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baharu pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan ini. TPG baharu ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

## **TARIKH KUAT KUASA**

30. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2013**.

## **PEMBATALAN**

31. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATUK FARIDA MOHD ALI )**  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

**14** Disember 2012

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi  
Naib Canselor IPTA

## LAMPIRAN A

### SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2013

<b>Gred</b>	<b>Peringkat</b>	<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>
<b>Gred DU51P</b>	P1	RM3,912.59	- RM6,917.62
	P2	RM4,227.07	- RM7,227.39
	P3	RM4,554.13	- RM7,546.59
<b>Gred DU51</b>	P1	RM5,643.67	- RM7,573.65
	P2	RM5,906.26	- RM7,902.29
	P3	RM6,178.29	- RM8,240.36
<b>Gred DU53</b>	P1	RM6,010.81	- RM8,146.95
	P2	RM6,281.26	- RM8,494.44
	P3	RM6,562.72	- RM8,852.95
<b>Gred DU54</b>	P1	RM6,010.81	- RM8,146.95
	P2	RM6,562.72	- RM8,852.95
<b>Gred Khas C</b>		RM7,189.63	- RM11,264.26
<b>Gred Khas B</b>		RM7,788.05	- RM12,201.84
<b>Gred Khas A</b>		RM8,465.66	- RM13,265.06
<b>Gred Khas Turus III</b>		RM 9,315.17	- RM14,607.70
<b>Gred Khas Turus II</b>		RM10,242.34	- RM16,061.66
<b>Gred Khas Turus I</b>		RM11,021.00	- RM17,122.66

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**Kelayakan Untuk Lantikan Ke Pensyarah Perubatan Pelatih  
Gred DU51P**

(c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU51P: P1 RM3,912.59);

dan (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.

**Kelayakan Untuk Lantikan Ke Pensyarah Perubatan Gred  
DU51**

(d) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: P1 RM5,643.67); atau

(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: P1 RM5,877.95); atau

(iii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: P1 RM5,877.95)

dan (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

### **Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DU53 (Profesor Madya)**

- (e) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DU53: P1 RM6,010.81); atau
- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DU53: P1 RM6,010.81); atau
- (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DU53: P1 RM6,010.81)
- (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;
- (v) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang sangat istimewa mutunya;
- dan (vi) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(iv).

### **Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred Khas C (Profesor)**

- (f) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,189.63); atau

- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,189.63); atau
- (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,189.63).
- (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;
  - (v) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang terkemuka mutunya;
  - dan (vi) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(f)(iv).

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DU51P, DU51, DU53 atau Gred Khas C boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(iv) dan 1(f)(iv).

#### **TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pensyarah Perubatan yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

#### **LATIHAN**

5. Pensyarah Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

#### **KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

6. Pensyarah Perubatan dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

#### **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pensyarah Perubatan Pelatih yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) memiliki kelayakan kepakaran atau ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang disyaratkan;
- (c) telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pensyarah Perubatan Pelatih;
- (d) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
8. Pensyarah Perubatan yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
9. Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P akan diselaraskan ke Pensyarah Perubatan Gred DU51 sehari selepas disahkan dalam perkhidmatan atas Gred DU51P.
10. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
11. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
12. Pensyarah Perubatan Gred DU51 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred DU54 apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
13. Pensyarah Perubatan Gred DU53/54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas C apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED KHAS B  
(PROFESOR)**

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
14. Pensyarah Perubatan Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas B apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
15. Pensyarah Perubatan Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas A apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
16. Pensyarah Perubatan Gred DU51 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.
17. Pensyarah Perubatan Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.
18. Pensyarah Perubatan Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus III apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED KHAS A  
(PROFESOR)**

**KENAIKAN PANGKAT GRED  
DU51 KE GRED KHAS C  
(PROFESOR) DALAM  
KEADAAN ISTIMEWA**

**KENAIKAN PANGKAT  
GRED KHAS C KE GRED  
KHAS A (PROFESOR)  
DALAM KEADAAN  
ISTIMEWA**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED KHAS TURUS III  
(PROFESOR ULUNG)**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED KHAS TURUS II  
(PROFESOR ULUNG)**

19. Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus II apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
20. Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus I apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
21. Pensyarah Perubatan Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
  - (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.9.2010 [Lampiran B dan B1 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2010, JPA.BPO(S)324/14/9-6 Jld.10 s.k.4 (17)]

## LAMPIRAN B

### SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERGIGIAN

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2013

<b>Gred</b>	<b>Peringkat</b>	<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>
<b>Gred DUG51P</b>	P1	RM3,887.64	- RM6,917.62
	P2	RM4,131.36	- RM7,227.39
	P3	RM4,384.51	- RM7,546.59
<b>Gred DUG51</b>	P1	RM5,641.31	- RM7,571.29
	P2	RM5,903.90	- RM7,899.93
	P3	RM6,175.92	- RM8,238.00
<b>Gred DUG53</b>	P1	RM5,941.64	- RM8,077.78
	P2	RM6,212.10	- RM8,425.28
	P3	RM6,493.56	- RM8,783.78
<b>Gred DUG54</b>	P1	RM5,941.64	- RM8,077.78
	P2	RM6,493.56	- RM8,783.78
<b>Gred Khas C</b>		RM7,189.63	- RM11,264.26
<b>Gred Khas B</b>		RM7,788.05	- RM12,201.84
<b>Gred Khas A</b>		RM8,465.66	- RM13,265.06
<b>Gred Khas Turus III</b>		RM 9,315.17	- RM14,607.70
<b>Gred Khas Turus II</b>		RM10,242.34	- RM16,061.66
<b>Gred Khas Turus I</b>		RM11,021.00	- RM17,122.66

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**Kelayakan Untuk Lantikan Ke Pensyarah Pergigian Pelatih Gred DUG51P**

(c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51P: P1 RM3,887.64);

dan (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.

**Kelayakan Untuk Lantikan Ke Pensyarah Pergigian Gred DUG51**

(d) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51: P1 RM5,641.31); atau

(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan kelayakan kepakaran dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51: P1 RM5,875.59); atau

(iii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51: P1 RM5,875.59)

dan (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

### **Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DUG53 (Profesor Madya)**

- (e) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DUG53: P1 RM5,941.64); atau
- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan kelayakan kepakaran dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DUG53: P1 RM5,941.64); atau
- (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DUG53: P1 RM5,941.64)
- (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;
- (v) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya;
- dan (vi) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(iv).

### **Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred Khas C (Profesor)**

- (f) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,189.63); atau

(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan kelayakan kepakaran dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,189.63); atau

(iii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,189.63)

(iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(v) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya;

dan (vi) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(f)(iv).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DUG51P, DUG51, DUG53 atau Gred Khas C boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(iv) dan 1(f)(iv).

4. Pensyarah Pergigian yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

5. Pensyarah Pergigian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

6. Pensyarah Pergigian dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

7. Pensyarah Pergigian Pelatih yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

#### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

#### **TEMPOH PERCUBAAN**

#### **LATIHAN**

#### **KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

#### **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) memiliki kelayakan kepakaran atau ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang disyaratkan;
- (c) telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pensyarah Pergigian Pelatih;
- (d) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
8. Pensyarah Pergigian yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
